

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

RM1.50

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

Palestin
tolak pelan
damai
Trump
Muka 46



60 peratus penduduk
Melaka alami
catuan bekalan air

Muka 8

Khamis, 30 Januari 2020
5 Jamadilakhir 1441H
Tel: 1 300 22 6787
PP 414/10/2012 (030686)



Kabinet setuju
pinda undang-
undang kenakan
hukuman lebih
berat ke atas
pemandu mabuk
Muka 6

5 ditahan sebar berita palsu

Berita Palsu Berkenaan
Wabak Novel Coronavirus
(2019-nCoV)



Suspek ditahan SKMM dan PDRM kerana disyaki menyebarkan berita palsu mengenai penularan coronavirus (2019-nCoV) di Facebook dan Twitter. Dua ditahan di Melaka dan masing-masing seorang di Kedah, Pahang dan Selangor. Siasatan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya.

Muka 2, 3, 4, 5

Kita akan mengambil tindakan terhadap mereka yang menakut-nakutkan rakyat dan mencetuskan perasaan benci antara kaum di negara ini. Kita percaya kepada kebebasan bersuara tetapi tidak bermakna mereka boleh berbuat sesuka hati”.

Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri



78 rakyat Malaysia di Wuhan akan dibawa pulang

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Muka Dua

Tindakan tegas
penyebar berita
palsu, fitnah: PM

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang menyebarkan berita palsu serta fitnah berhubung coronavirus 2019-nCoV.

Kerajaan, menurut Perdana Menteri tidak akan bertoleransi terhadap penyebaran berita palsu, penipuan maklumat dan fitnah yang menyebabkan kekecohan rentetan penularan virus berkenaan.

"Kita akan mengambil tindakan kepada mereka yang menakutkan rakyat Malaysia dan mencetuskan perasaan benci antara kaum di negara ini.

"Kita percaya kepada kebebasan bersuara tetapi tidak bermakna mereka boleh berbuat sesuka hati," katanya pada sidang media khas, semalam.

Terdahulu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan membuka lima kertas siasatan berhubung penyebaran maklumat palsu dan berita tidak sahih mengenai penularan coronavirus menerusi media sosial.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata polis dalam proses memanggil semua pemilik akaun Facebook yang terbahit untuk dirakam keterangan dan siasatan dijalankan oleh Unit

Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) JSJ Bukit Aman.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri turut menegaskan kebebasan media kekal di negara ini, tetapi tindakan mengganggu orang lain dengan melaga-melagakan satu kaum dengan kaum yang lain tidak boleh diterima dan wajar dikenakan tindakan.

Katanya, pada masa sama mendapati ada beberapa kenyataan yang tidak bertanggungjawab kononnya pelancong bukan Islam tidak dibenarkan melawat masjid kerana akan membawa penyakit 2019-nCoV.

"Ini bukan dasar kerajaan menyekat pelancong bukan Islam daripada melawat kawasan masjid atau muzium.

"Tiada tempat yang tidak boleh dilawati oleh pelancong kerana kononnya mereka mungkin membawa coronavirus," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan meneruskan larangan memasukkan ke atas pesawat dari Wuhan dan Wilayah Hubei ke Malaysia, sama ada terbukti dijangkiti virus berkenaan ataupun tidak.

"Kalau mereka dari Wuhan dan Hubei, mereka tidak dibenarkan masuk Malaysia, tetapi pesawat dari tempat lain dibenarkan masuk," katanya.

Polis dalam proses memanggil semua pemilik akaun Facebook terbabit untuk dirakam keterangan dan siasatan dijalankan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) JSJ Bukit Aman.

Huzir Mohamed,
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman

Ibadat & Fadilat

Daripada Abdullah Abbas, berkata Nabi Muhammad SAW bersabda: "Saudara sekalian pakailah pakaian yang berwarna putih kerana warna putih adalah warna yang terbaik. Saudara sekalian gunakan juga pakaian warna putih untuk dipakaikan kepada orang yang sudah meninggal dunia." (HR Abu Daud & Tirmidzi)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:17	1:34	4:55	7:28	8:41
Alor Setar	6:17	1:34	4:55	7:28	8:41
P. Pinang	6:16	1:34	4:56	7:30	8:42
Ipoh	6:21	1:32	4:54	7:29	8:41
Kuala Lumpur	6:17	1:29	4:51	7:27	8:39
Shah Alam	6:17	1:29	4:51	7:27	8:39
Johor Bahru	6:05	1:21	4:42	7:21	8:33
Kuantan	6:10	1:24	4:45	7:22	8:34
Seremban	6:14	1:28	4:49	7:27	8:39
Bandar Melaka	6:13	1:27	4:48	7:26	8:38
Kota Bharu	6:13	1:27	4:48	7:21	8:30
K. Terengganu	6:12	1:23	4:44	7:19	8:31
Kota Kinabalu	5:13	12:31	3:52	6:26	7:38
...ing	5:41	12:56	4:17	6:56	8:08

Kita juga telah diberitahu, rakyat kita di sana berdepan kekurangan makanan apabila bekalan di Wuhan semakin menyusut. Malah ada yang mempunyai stok bekalan cukup untuk empat hari sahaja.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Dr Mahathir pada sidang media mengenai coronavirus selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya; semalam.

Penularan coronavirus

Warga Malaysia
dari Wuhan
dikuarantin 14 hari

**Malaysia mohon
bawa pulang
segera 78 rakyat**

Oleh Rohaniza Idris
dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@nsp.com.my

Putrajaya: Kerajaan sedia membawa pulang 78 rakyat Malaysia yang masih berada di Wuhan, China dengan segera, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Luar ditugaskan bagi memohon kebenaran China, untuk membolehkan kerajaan mengambil rakyat negara ini dari bandar raya itu yang kini ditutup susulan penularan coronavirus atau 2019-nCoV itu.

"Mereka (rakyat Malaysia) sekarang tidak boleh keluar dari Wuhan, tetapi kita ingin berhubung dengan Kerajaan China supaya rakyat kita yang tidak dijangkiti boleh pulang ke Ma-

laysia dengan pesawat.

"Sebelum ini, Kerajaan Jepun dapat membawa pulang rakyat mereka dari wilayah berkenaan selepas mendapat kebenaran dari China.

"Menteri Luar akan segera meminta kebenaran daripada Kerajaan China untuk membolehkan kita membawa masuk pesawat bagi membawa pulang rakyat kita," katanya dalam sidang media khas selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, semua rakyat Malaysia itu jika dibawa pulang kelak, akan diperiksa dan disaring terlebih dahulu sebelum tiba di negara ini.

Katanya, jika ada bukti yang mereka dijangkiti coronavirus atau telah duduk dalam tempoh yang lama di sana, maka mereka akan dikuarantin di hospital kerajaan.

"Mereka semua boleh dikuarantin sehingga 14 hari, bagi memastikan kesihatan masing-masing tidak bertambah lebih bu-

ruk akibat coronavirus ini.

"Kita juga telah diberitahu, rakyat kita di sana berdepan kekurangan makanan apabila bekalan di Wuhan semakin menyusut. Malah ada yang mempunyai stok bekalan cukup untuk empat hari sahaja.

"Kita turut berminat membantu Wuhan. Jadi kalau dibenarkan hantar pesawat bagi mengambil rakyat kita oleh Kerajaan China, kita akan membawa makanan, sarung tangan dan topeng muka untuk diberikan kepada penduduk di sana," katanya.

Mengulas keadaan kesihatan semua rakyat Malaysia yang berada di Wuhan ketika ini, Dr Mahathir berkata, setakat ini kesemua 78 orang disahkan tidak dijangkiti dengan coronavirus.

Amerika Syarikat (AS) dan Jepun semalam sudah membawa pulang rakyat masing-masing dari Wuhan, manakala beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) dijangka melakukan tindakan sama dengan menggunakan dua pesawat Perancis, minggu ini.



Pelancong memakai topeng penutup mulut dan hidung sebagai langkah pencegahan penularan coronavirus di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2, Sepang.

(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

BH KHAMIS, 30 JANUARI 2020

3

Nasional

Penularan coronavirus

Tempoh visa 15 hari pelawat China tidak dilanjutkan

Pelancong perlu pulang ikut tarikh ditetapkan sebagai langkah berjaga-jaga

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan tidak akan melanjutkan tempoh pelepasan visa 15 hari kepada pelancong China yang kini berada di negara ini, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka perlu pulang mengikut tarikh ditetapkan biarpun kemungkinan ada yang mahu terus berada di sini untuk tempoh tertentu, sebagai langkah berjaga-jaga susulan penyebaran coronavirus di China.

"Tidak boleh bagi lanjutan visa," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan bagi mendapatkan perincian terkini kes coronavirus di Pusat Keselamatan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), di Kementerian Kesihatan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan juga tidak bercadang memperluaskan sekatan visa yang dikenakan ke atas pelawat dari Wuhan dan Hubei kepada pelancong China dari wilayah lain.

"Kita sedar 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia (TMM), namun soal keselamatan rakyat menjadi keutamaan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata, buat masa ini tiada halangan mengadakan perhimpunan dan persidangan berskala besar dan membabitkan peserta antarabangsa, memandangkan pi-



Dr Wan Azizah menyerahkan sekotak topeng muka kepada pegawai imigresen ketika melawat Pusat Pemantauan Saringan Suhu Badan bagi mengesan 2019-nCoV yang berfungsi 24 jam di Terminal Ketibaan klia2, semalam.

hak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang sekatan perjalanan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan memantau situasi terkini penyebaran dan mendapatkan maklum balas daripada WHO apabila sambutan Tahun Samsat diadakan minggu depan, yang menyaksikan ribuan masyarakat akan berhimpun.

Malaysia juga katanya akan bekerjasama dengan negara ASEAN bagi mendapatkan bekalan ubatan, selain perkongsian data mengenai penularan virus berkenaan di rantau ini.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan merekodkan 85 kes Pengesanan Kes Yang Disyaki (PUT) jangkitan 2019-nCoV setakat petang semalam.

Dr Wan Azizah berkata, daripada jumlah itu, 74 negatif kepada coronavirus sementara lapang lagi masih menunggu keputusan ujian makmal.

Sehingga jam 2 petang semalam, tujuh kes positif 2019-nCoV dengan semuanya membabitkan warga China.

sebagai persediaan menghadapi potensi penularan coronavirus melalui pengguna jeti dan pelabuhan negara.

JLM juga akan memaklumkan kepada pejabat kesihatan daerah atau negeri dan pihak berkuasa kesihatan pelabuhan selidarnya menerima kemasukan bot layar dari China serta pelayar dari China bagi tujuan saringan kesihatan.



ATM sedia guna aset bawa pulang rakyat terkandas di Wuhan

Kuala Lumpur: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) meletakkan asetnya dalam keadaan bersiap sedia dikerah membawa pulang rakyat Malaysia yang terkandas sekitar Wilayah Hubei, China, terutama bandar raya Wuhan yang dikenali perintah berkurung kerana coronavirus 2019-nCoV.

Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Affendi Buang, berkata Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kini hanya menunggu arahan sekiranya diminta berbuat demikian.

"Ketika ini, kami (ATM) belum menerima sebarang arahan kerana mereka (kerajaan) mempunyai pilihan, sama ada untuk membawa balik rakyat Malaysia menggunakan pesawat komersial atau menggunakan khidmat TUDM."

"Sekiranya menerima arahan, kami berkemungkinan menerangkan sama ada pesawat pengangkut C130 atau A400 untuk membawa mereka kembali ke tanah air," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Affendi berkata, sebarang tindakan hanya bakal diputuskan apabila kerajaan mendapat kebenaran untuk terbang ke Wilayah Hubei dan Wuhan, sekali gus membawa pulang rakyat Malaysia.

Katanya, antara faktor utama penggunaan pesawat TUDM adalah berdasarkan jumlah rakyat Malaysia yang masih terkandas di Wuhan serta lokasi mereka akan mendarat untuk mengisih bahan api.

Setakat semalam, seramai 78 rakyat Malaysia termasuk golongan profesional, penuntut universiti dan kru penerbangan Malindo Air dilaporkan terkandas di sekitar Wilayah Hubei dan Wuhan.

Dalam perkembangan lain, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata hanya penerbangan pergi dan balik Malaysia-Wuhan digantung susulan terdeteksi jangkitan coronavirus di China sehingga kini.

Setakat ini, katanya, tidak ada keperluan untuk mengangut penerbangan ke lain tempat di negara Tembok Besar itu.

"Tidak, saya rasa kita belum sampai peringkat itu, setakat ini kita gantung penerbangan ke Wuhan sahaja, bandar lain masih ada penerbangan, tidak digantung lagi."

"Kita akan pantau keadaan dari semasa ke semasa," katanya pada sidang media selepas pengumuman mesyuarat pasca Kabinet di kementerannya, di sini semalam.

JLM pantau kemasukan pelancong asing

Kuala Lumpur: Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan kerjasama pejabat kesihatan daerah atau negeri serta pihak berkuasa kesihatan pelabuhan sentiasa memantau kemasukan pelancong asing ke negara ini melalui laluan terminal penumpang antarabangsa dan terminal kapal pesiar.

JLM dalam satu kenyataan semalam menjelaskan, langkah itu

sebagai persediaan menghadapi potensi penularan coronavirus melalui pengguna jeti dan pelabuhan negara.

JLM juga akan memaklumkan kepada pejabat kesihatan daerah atau negeri dan pihak berkuasa kesihatan pelabuhan selidarnya menerima kemasukan bot layar dari China serta pelayar dari China bagi tujuan saringan kesihatan.

"Bagi kapal yang memasuki pelabuhan, JLM akan membantu dari segi pemberitahuan kepada pihak berkuasa kesihatan pelabuhan sekiranya pelabuhan terakhir kapal adalah dari China."

"Seterusnya Pihak Berkuasa Kesihatan Pelabuhan akan naik ke kapal di kawasan berlabuh. Sekiranya ada kes, kapal akan dikuarantin di kawasan kuaran-

tin yang ditetapkan, sebagai contoh Perairan Pintu Gedong untuk negeri Selangor," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan JLM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan secara berterusan melalui maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Nasional

KHAMIS, 30 JANUARI 2020

Kes sebar berita palsu penularan coronavirus

Lima ditahan dalam operasi 24 jam

Suspek berdepan denda RM50,000, penjara sehingga setahun jika sabit kesalahan

Oleh Safeek Affendy Razali,
Nor Azizah Mokhtar
dan Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my



Huzir Mohamed

Kuala Lumpur: Lima individu disyaki penyebar berita palsu mengenai penularan coronavirus 2019-nCoV di negara ini, ditahan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam operasi membanteras perbuatan itu dalam tempoh 24 jam, sejak petang kelmarin hingga semalam.

Suspek dengan pelbagai latar belakang dan kerjaya seperti tutor sambilan, pembantu farmasi dan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu, masing-masing ditahan secara berasingan di Melaka, Kedah, Pahang dan Selangor, mulai jam 5 petang kelmarin hingga 4 petang semalam.

Lima suspek ditahan dalam operasi itu, kini berdepan siasatan SKMM kerana menyebarkan berita palsu mengikut Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, yang sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali.

Selain tangkapan untuk siasatan yang dijalankan SKMM itu, Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) PDRM Bukit Aman pula membuka kertas siasatan terhadap lima pemilik akaun media sosial sejak Sabtu lalu kerana penyebaran kha-

bar angin dan berita palsu menerusi Facebook dan WhatsApp.

SKMM dalam kenyataannya petang semalam, berkata dalam tangkapan di Alor Setar, Kedah semalam, seorang tutor sambilan berusia 49 tahun ditahan kerana memuat naik kandungan palsu 2019-nCoV menerusi laman sosial Facebook miliknya pada Sabtu lalu.

"Dua tangkapan di Melaka, membabitkan pembantu farmasi berusia 25 tahun dan 30 tahun, masing-masing ditahan di Peringat dan Merlimau, sekitar jam 4 petang kerana disyaki memuat naik berita palsu menerusi Facebook masing-masing pada Ahad lalu.

"Seorang lagi adalah pelajar IPTA berusia 24 tahun, ditahan pada jam 4.15 petang di Kuantan, Pahang, selepas didapati berkongsi kandungan palsu wabak 2019-nCoV menerusi laman Twitter, kelmarin," katanya.

Susulan operasi semalam, empat telefon bimbit; lima kad sim dan dua kad memori yang dipercayai digunakan untuk memuat naik kandungan palsu berkaitan 2019-nCoV dirampas daripada kesemua suspek yang ditahan.

Jam 4 petang kelmarin, seorang lelaki berusia 34 tahun ditahan di kediamannya di Bangi, selepas disyaki menyebarkan berita palsu mengenai coronavirus dalam la-

man sosial Facebook miliknya pada Ahad lalu. Telefon bimbit dan kad sim yang digunakan suspek untuk memuat naik kandungan terbahit turut dirampas.

Pengarah JSJ Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata selain mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, siasatan terhadap mereka yang terbahit dalam penyebaran khabar angin dan berita palsu yang dijalankan PDRM, turut dibuat mengikut Kanun Keseksan.

Bellau berkata, kertas siasatan pertama dibuka Sabtu lalu berhubung kenyataan berkaitan 2019-nCoV dimuat naik menerusi akaun Facebook yang dijalankan Seksyen 203(A) Kanun Keseksan (pendedahan maklumat) yang memperuntukkan denda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga satu tahun, selain Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian) dengan denda maksimum RM100,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya.

Katanya, kertas siasatan kedua dibuka pada Ahad lalu membabitkan beberapa kenyataan dimuat naik menerusi akaun Facebook yang dibuat mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksan (menyebarkan ketakutan atau kegugutan awam) yang boleh dipenjarakan sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, selain Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Tiga lagi kertas siasatan dibuka kelmarin, membabitkan dakwaan kematian seorang pelancong China di dalam bas, penyebaran berita palsu mendakwa beberapa individu disyaki pesakit 2019-nCoV dalam rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Terengganu yang dipercayai boleh menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat," katanya.

Senarai berita palsu berkenaan penularan Novel Coronavirus (2019-nCoV)

BERITA PALSU	MEDIUM SEBARAN	TINDAKAN
Seorang budak 7 tahun dikatakan positif virus Wuhan di Hospital Likas, Sabah	WhatsApp	Penafian di Facebook
Menyebarkan kawasan penularan coronavirus di Selangor dan mengatakan kerajaan menompah wabak free	WhatsApp	Penafian di Facebook
Dikatakan terdapat 1 pelancong China positif Wuhan virus yang bebas di Tropicana 218 Macalister, Pulau Pinang	WhatsApp	Penafian di Facebook
Kes pertama Coronavirus di hospital swasta, Kuantan, Pahang	Twitter	Penafian oleh Pengarah Kesihatan Pahang
Beberapa gambar mendakwa ratusan warga China tiba di Langkawi untuk lari daripada penularan Coronavirus	Facebook	Penafian oleh Kerajaan Negeri Kedah
Seorang meninggal selepas kejang dan pengsan dikatakan virus Wuhan di Shah Alam	WhatsApp	Penafian di Facebook
Kes pertama 2019-nCoV dikatakan ditemui di Hospital Seberang Jaya melibatkan 2 pelancong China	WhatsApp	Penafian di Facebook
Bapa kepada murid SK PAKA sakit terat selepas 3 hari pulang dari umrah kerana virus Wuhan	WhatsApp	Penafian di Facebook
Dikatakan Mahkota Medical Centre di Melaka ditutup kerana berlaku kematian akibat virus Wuhan	Twitter	Aduan ke SKMM
Dikatakan terdapat 1 kes jangkitan Wuhan virus di Hospital UTA Kuantan	Facebook	Aduan ke SKMM

Selidik maklumat sebelum sebar: Mufti

Kuala Lumpur: Rakyat perlu memberi sokongan penuh terhadap langkah yang sedang diambil Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengawal penularan coronavirus 2019-nCoV di negara ini.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamed Al-Bakri, juga meminta masyarakat mematuhi nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Pada masa sama, katanya, masyarakat perlu bersama-sama menjadi ejen membanteras berita palsu yang kebelakangan ini banyak di-

sebar menerusi media sosial dan aplikasi pesanan ringkas.

"Tanamkan disiplin dalam diri untuk menyelidik terlebih dahulu setiap berita yang diperoleh di media sosial.

"Lazimilah solat hajat dan doa munajat kepada Allah SWT dengan doa yang ma'thur sebagai mana yang dibacakan oleh Rasulullah SAW," katanya dalam penulisan Bayan Linnas yang dimuat naik di laman web rasminya, semalam.

Menerusi artikel itu juga, Zulkifli turut menyenaraikan laman

nasihat yang diharap menjadi panduan kepada masyarakat dalam berdepan ancaman penularan 2019-nCoV.

Antara nasihatnya, masyarakat perlu bersikap 'tabayyun', iaitu menyelidik kesahihan setiap maklumat yang diperoleh dan mengambil langkah pencegahan seperti menjaga kebersihan diri dan tidak berada di tempat yang berisiko tinggi serta mengucapkan Istirajak.

Orang ramai juga diminta menjaga kesihatan dan kebersihan yang juga satu perkara yang diperintah syarak.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan coronavirus



Hospital Sungai Buloh antara 26 hospital rujukan bagi mengendalikan kes disyaki (PUI) dan sahah bagi coronavirus 2019-nCoV.

Prosedur teliti urus pesakit

Pasukan
terlatih
kendali kes
berjangkit
pantau secara
berpasangan



Dr Yasmin Muhamed Gani

Kuala Lumpur: Pengendalian pesakit yang dikaitkan dengan jangkitan coronavirus 2019-nCoV di negara ini dibuat penuh cermat dengan rawatan terhadap mereka bermula sebaik sahaja disyaki dijangkiti virus berkenaan.

Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh (HSB), Dr Yasmin Muhamed Gani, berkata proses isolasi pesakit disyaki dimulakan awal dan mereka tidak ditempatkan di wad awam.

"Apabila (pengamal perubatan) ada pesakit dengan simptom (coronavirus), kami kuarantin dan asingkan mereka."

"Kami henti isolasi jika keputusan ujian terhadap pesakit disahkan negatif dan mereka sudah pulih sepenuhnya."

"Lazimnya, keputusan ujian pengesanan dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dapat diketahui dalam tempoh 24 jam dan sekiranya ujian mengesahkan positif, kami teruskan dengan isolasi pesakit dan dipantau rapi," katanya, semalam.

Dikenali sebagai

2019-nCoV, coronavirus yang menyebabkan keadaan seperti radang paru-paru, mula dikesan pada Disember lalu di Wuhan, China dan gejala jangkitan termasuk demam, batuk serta sukar bernafas.

Dr Yasmin berkata, staf yang menjaga pesakit coronavirus juga amat berpengalaman dalam mengendalikan penyakit berjangkit.

"Kami mempunyai pasukan berdedikasi yang terlatih jaga pesakit. Mereka (dokter/jururawat) akan bertugas secara berpasangan (untuk pemantauan) minimum dua kali sehari."

"Kenapa berdua? Supaya mereka boleh pantau sesama mereka untuk mengelakkan sebarang kesilapan rawatan dan sebagainya."

"Di luar (bilik) juga ada seorang yang menjaga untuk memastikan dua orang berkenaan tidak menghadapi sebarang masalah," jelasnya.

Mengulas lanjut, katanya cara pemakanan pesakit adalah mengikut diet hospital, manakala utensil makanan mereka terdiri daripada jenis pakai buang

bagi mengelakkan penyebaran virus.

Mengenai cara pengesanan coronavirus pula, katanya ia akan dilakukan menerusi pemeriksaan kaedah, manakala bagi pesakit yang tiada kahak, doktor menggunakan kaedah *Oropharyngeal swab*, iaitu pemeriksaan menerusi bahagian dalam hidung.

"Pengendalian spesimen dilakukan dengan penuh bertanggungjawab dan ia dimasukkan dalam bungkusan tiga lapis bagi mengelak penyebaran virus," katanya.

Setakat ini, tujuh individu disahkan positif coronavirus di negara ini, dengan semua kes itu membabitkan warga China.

Dr Yasmin berkata, tiga individu terbaharu yang dilaporkan positif awal pagi semalam pula berada dalam keadaan stabil dan pemantauan sedang dilakukan dengan rapi.

Sementara itu mengenai langkah pencegahannya pula, Dr Yasmin menyarankan supaya kebersihan diri sentiasa dijaga setiap masa.

"Sentiasa cuci tangan, elak menggosok muka dan mata tanpa membasuh tangan."

"Juga elak kontak dengan haiwan liar dan adalah selamat untuk memakai topeng muka."

"Mereka yang rasa sakit tekak, batuk atau simptom lain dinasihatkan berjumpa doktor segera untuk dimulakan rawatan awal," katanya. BERNAMA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

OPERASI BAWA PULANG RAKYAT MALAYSIA DARI WUHAN

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia membawa pulang 78 rakyat Malaysia yang masih berada di Wuhan, China dengan segera.

Beliau berkata, Kementerian Luar diarahkan memohon kebenaran China untuk membolehkan kerajaan mengambil rakyat negara ini dari bandar raya itu yang kini ditutup susulan penularan wabak koronavirus.

Difahamkan, rakyat Malaysia yang balik nanti akan ditempatkan di wad isolasi di hospital rujukan yang mengendalikan kes disyaki (PUI) dan sahah bagi koronavirus sekiranya mempunyai simptom penyakit itu.

Sekiranya tidak mempunyai sebarang simptom dan didapati sihat, mereka akan diletakkan di bawah pemantauan di rumah selama 14 hari.

“ Mereka (rakyat Malaysia) sekarang tidak boleh keluar dari Wuhan tetapi kita ingin runding dengan kerajaan China supaya rakyat Malaysia yang tidak sakit boleh balik ke Malaysia.”
- Kata Dr Mahathir pada sidang media selepas mesyuarat Kabinet di Putrajaya semalam.

MUKA 2, 3, 4, 6 & 7

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Bawa pulang 78 rakyat di Wuhan

Kerajaan cadang bawa pulang 78 rakyat Malaysia yang terkandas di Wuhan, China

PUTRAJAYA

Kerajaan bercadang untuk membawa pulang 78 rakyat Malaysia yang terkandas di Wuhan, China berikutan wabak koronavirus.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan China bagi membolehkan pesawat Malaysia memasuki kawasan berkenaan.

"Kita baru buat keputusan dan akan berbincang



Dr Mahathir bercakap kepada pemberita pada sidang media di Putrajaya semalam.

dengan China.

"Jika didapati positif koronavirus atau berada lebih lama di wilayah itu, kita akan kuarantinkan mereka di hospital sebelum dibenarkan pulang ke rumah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di sini semalam.

Menurutnya, rakyat Malaysia di wilayah Hubei

didapati kekurangan makanan dan keperluan.

"Setakat ini, bekalan yang ada pada mereka dapat menampung sehingga empat hari sahaja," katanya.

Selain membawa pulang rakyat yang berada di sana, Dr Mahathir berkata, kerajaan bersedia menyumbang bekalan makanan dan keperluan ke-

Kerajaan akan ambil tindakan terhadap penyebar berita palsu

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menyebarkan berita palsu mengenai koronavirus.

"Kerajaan akan ambil tindakan terhadap pihak yang cuba mereka-reka berita palsu untuk menakutkan dan timbulkan perasaan benci," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, kebebasan bersuara yang diamalkan di negara ini tidak bermakna boleh melakukannya sesuka hati.

"Kita tidak akan bertoleransi ter-

hadap perbuatan yang cuba menipu dengan memberi maklumat salah terhadap perkara ini," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, bukan dasar kerajaan menghalang pelancong bukan Islam daripada mengunjungi lokasi tumpuan pelancong termasuk masjid.

"Tiada tempat yang tidak boleh dilawati pelancong," katanya.

Ahad lalu, Masjid Putra di sini mengambil langkah menutup lawatan bagi pengunjung bukan Islam susulan kebangkitan penyebaran koronavirus.

Masjid itu hanya dibuka kepada Muslim untuk menunaikan solat.

pada China untuk disalurkan ke wilayah yang terjejas koronavirus.

"Kalau mereka benarkan pesawat kita masuk, kita akan bawa masuk bekalan makanan dan topeng muka serta sarung

tangan," katanya.

Difahamkan, rakyat Malaysia yang didapati mempunyai simptom akan ditempatkan di wad isolasi di hospital rujukan yang mengendalikan kes disyaki (PUI) dan sahih

bagi novel koronavirus 2019 (2019-nCoV).

Bagi mereka yang tidak mempunyai sebarang simptom dan disahkan sihat pula akan diletakkan di bawah pemantauan di rumah selama 14 hari.

Pelajar universiti antara empat yang ditahan

CYBERJAYA - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menahan empat lagi individu yang disyaki menyebarkan kandungan berita palsu mengenai penularan wabak koronavirus.

Menurut satu kenyataan, keempat-empat operasi serbuan itu telah dijalankan secara berasingan oleh PDRM dan SKMM iaitu dua di Melaka dan satu di Kedah dan Pahang.

"Dalam operasi yang dijalankan antara jam 11 pagi hingga 5 petang hari

ini (semalam), PDRM dan SKMM telah menahan suspek-suspek terlibat untuk merakam keterangan mereka.

"Di Alor Setar, seorang tutor sambilan berumur 49 tahun telah ditahan pada jam 12 tengah hari kerana disyaki telah memuat naik

kandungan palsu di laman Facebook pada 25 Januari," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, dua pembantu farmasi yang berumur 25 dan 30 tahun, masing-masing ditahan di Peringgit dan Merlimau, Melaka sekitar jam 4 petang bagi membantu siasatan berhubung kandungan palsu yang dimuat naik di Facebook pada 26 Januari.

"Seorang pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam berumur 24 tahun pula ditahan jam 4.15 petang bertempat di Kuantan, Pahang kerana disyaki berkongsi kandungan palsu di laman Twitter pada 27 Januari," ujarnya.

Terdahulu, seorang lelaki berusia 34 tahun ditahan polis di Bangi, Selangor pada jam 4 petang kelmarin kerana disyaki menyebarkan kandungan berita palsu mengenai wabak koronavirus.

Tiga lagi disahkan positif koronavirus

PUTRAJAYA - Tiga warga China yang disyaki dijangkiti koronavirus sebelum ini disahkan positif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya semalam mengesahkan maklumat itu sekali gus menjadikan jumlah mereka yang positif wabak berkenaan sebanyak tujuh orang.

"Kes terbaru itu melibatkan seorang kanak-kanak berumur empat tahun yang dirawat di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi dan lelaki berusia 52 tahun yang diisolasi di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru," katanya di sini semalam.

Menurutnya, menantu kepada pesakit koronavirus pertama di Singapura turut disahkan positif selepas menjaga anaknya yang dikuarantin di Hospital Sungai Buloh.

"Dia yang terdahulunya berstatus negatif telah mengambil keputusan untuk tinggal di Malaysia bagi menjaga kedua-dua anaknya yang positif koronavirus dan sedang menerima rawatan di wad isolasi hospital berkenaan," katanya.



DR NOOR HISHAM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Tempoh perjalanan warga China tidak dilanjutkan



FOTO: SHARIFUDDIN ABUL RAHIM

Dr Wan Azizah menyerahkan kotak topeng muka kepada seorang petugas KLIA2 ketika melawat KLIA2 semalam.

Selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia

PUTRAJAYA

Kerajaan tidak berhasrat untuk melanjutkan tempoh perjalanan warga China yang berada di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, hanya pelancong yang mempunyai simptom dan disahkan positif coronavirus dibenar berada di negara ini untuk mendapatkan rawatan. "Tak ada lanjutan lawatan," katanya pada sidang media selepas melawat Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kementerian

Kesihatan (KKM) bagi meninjau pengurusan dan penyelarasan maklumat serta respon bagi coronavirus di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Timbalannya, Lee Boon Chye serta Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, perkara itu selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Bukan sahaja coronavirus tetapi sesiapa yang sakit kita perlu merawatnya sebelum dihantar pulang," katanya.

Bermula 1 Januari lalu, kerajaan mewartakan pengecualian visa kepada rakyat China dan India mengikut Subseksyen 2(1) Akta pasport 1966.

Pelancong dari negara

terbabit perlu membuat pendaftaran terlebih dahulu dan melakukan perjalanan dalam tempoh tiga bulan selepas mendaftar.

Tempoh masa lawatan yang dibenarkan terhad kepada 15 hari sahaja dan tidak boleh dilanjutkan.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, tiada halangan bagi mana-mana pihak untuk berhimpun terutamanya menjelang Thaipusam minggu hadapan.

"Setakat ini, tiada apa-apa masalah malah WHO belum mengeluarkan arahan halangan perjalanan.

"Bagaimanapun kerajaan akan maklumkan situasi semasa dan perkembangan kepada rakyat," katanya.

Setakat jam 6 petang semalam, individu yang positif coronavirus kekal tujuh orang.

Kesemua mereka ialah warganegara China.

Status coronavirus
Setakat jam 6 petang
29 Januari 2020

Jumlah positif wabak
6,061 orang

Jumlah kematian
132 orang

Negara terlibat

• **Malaysia (7 kes)**

- China
- Jepun
- Korea Selatan
- Taiwan
- Thailand
- Amerika Syarikat
- Hong Kong
- Singapura
- Macau
- Vietnam
- Nepal
- Perancis
- Australia
- Kanada
- Jerman
- Kemboja
- Sri Lanka
- Emiriah Arab Bersatu (UAE)

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Laluan khas pelancong China

KKM akan sediakan laluan khas itu sebagai langkah pengukuhan saringan

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan (KKM) akan menyediakan laluan khas kepada pelancong dari China di pintu masuk negara sebagai langkah pengukuhan saringan bagi pencegahan jangkitan koronavirus.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, laluan khas itu disediakan agar saringan lebih rapi dapat dilakukan semasa kemasukan pelancong berkenaan.

Menurutnya, perkara itu merupakan antara cadangan yang



Ujian Imbasan haba dilakukan di KLIA2 semalam.

diperseetujui dalam mesyuarat khas antara agensi kerajaan sebagai kawalan dan pencegahan wabak koronavirus.

"Pelancong sama ada warganegara atau bukan warganegara juga akan dirujuk kepada KKM sekiranya didapati mempunyai gejala (jangkitan).

"Buat masa ini tiada halangan bagi mengadakan sebarang

perhimpunan atau persidangan yang berskala besar dan melibatkan peserta antarabangsa memandangkan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang sekatan perjalanan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, semua agensi kerajaan juga dise-

ru untuk menghebahkan semua aktiviti pencegahan dan kawalan yang dijalankan.

"Ia bagi meredakan keresahan dalam kalangan masyarakat serta membuktikan bahawa semua tindakan yang sewajarnya telah diambil," katanya.

Menurutnya, mesyuarat yang dihadiri pengurusan tertinggi kementerian dan jabatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti kawalan dan pencegahan jangkitan koronavirus itu telah diadakan di KKM pagi semalam.

Kementerian dan jabatan yang terlibat antaranya Agensi Pengurusan Bencana Negara, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Imigresen, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Laut Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Malaysia Airport Berhad.

Masjid Putra dibuka semula kepada pelawat

PUTRAJAYA - Masjid Putra di sini yang ditutup kepada lawatan pelancong asing sejak Ahad lepas berikutan kebimbangan terhadap jangkitan 2019 novel koronavirus, dibuka semula pada jam 2 petang semalam.

Jurucakap pengurusan masjid itu berkata, para petugas masjid akan mengamalkan garis panduan yang telah dikeluarkan Kementerian Kesihatan sebagai langkah keselamatan terhadap jangkitan koronavirus.

"Bermula hari ini (semalam), petugas akan ikut nasehat Kementerian Kesihatan seperti memakai penutup hidung dan mulut serta menggunakan pembersih tangan (hand sanitizer)," katanya ketika dihubungi semalam. - *Bernama*

KORONAVIRUS: SARINGAN KESIHATAN PENGEMBARA DIPERKUKUH

Kementerian Kesihatan Malaysia meningkatkan saringan kesihatan ke atas semua pengembara dari China di semua 64 Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) negara

MELIBATKAN:

Lapangan terbang antarabangsa

Pelabuhan-pelabuhan

Pintu masuk darat

PENDEKATAN:

1 Saringan demam menggunakan pengimbas haba

2 Kerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk merujuk mana-mana pengembara bagi pemeriksaan lanjut oleh anggota kesihatan di PMA

3 Memasang bunting & melakukan pengumuman berkala bagi menasihati pengembara untuk tampil ke pusat pemeriksaan kesihatan PMA

4 Pemeriksaan rawak terhadap warganegara Malaysia yang menggunakan pintu automatik

LAPANGAN TERBANG

- Kerjasama dengan Malaysia Airports Holdings Berhad & Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia untuk mengalihkan semua kapal terbang dari China ke pintu yang dikenal pasti bagi mengelakkan percampuran penumpang
- Syarikat penerbangan diminta mengenal pasti penumpang yang mempunyai gejala semasa dalam penerbangan

PELABUHAN

- Semua kapal dari China akan diberi status kuarantin sehingga anggota Kementerian Kesihatan memeriksa kapal

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Infografik: Bernama

Pengendalian pesakit koronavirus dilakukan dengan cermat

KUALA LUMPUR - Pengendalian pesakit yang dikaitkan dengan wabak koronavirus dalam negara dilakukan penuh cermat dengan rawatan mereka bermula sebaik sahaja pesakit itu disyaki dijangkiti virus berkenaan.

Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh, Dr Yasmin Muhamed Gani berkata, proses isolasi terhadap pesakit yang disyaki akan dimulakan awal dan mereka tidak akan ditempatkan di wad awam.

"Apabila kami (pengamal kesihatan) ada pesakit dengan simptom (koronavirus), kami memang akan kuarantin danasingkan mereka. Kami akan henti isolasi sekiranya keputusan ujian terhadap pesakit disahkan negatif dan mereka telah pulih sepenuhnya.

"Lazimnya, keputusan ujian pengesanan yang dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dapat diketahui dalam tempoh 24 jam, dan sekiranya ujian mengesahkan positif, kami akan teruskan dengan isolasi pesakit dan dipantau rapi," katanya ketika dihubungi semalam.

Dr Yasmin berkata, staf yang menjaga pesakit koronavirus juga amat

berpengalaman dalam mengendalikan pesakit berjangkit.

"Kami mempunyai pasukan berdedikasi yang terlatih akan jaga pesakit. Mereka (dokter/jururawat) akan bertugas secara berpasangan (untuk pemantauan) minimum dua kali sehari.

"Kenapa berdua? Supaya mereka boleh pantau sesama mereka untuk mengelakkan sebarang kesilapan rawatan dan sebagainya," jelasnya.

Mengulas lanjut katanya, cara pemakanan pesakit adalah mengikut diet hospital manakala utensil makanan mereka terdiri daripada jenis pakai buang bagi mengelakkan penyebaran virus.

Mengenai cara pengesanan koronavirus pula, katanya, ia akan dilakukan menerusi pemeriksaan kakah manakala bagi pesakit yang tiada kahak, doktor akan menggunakan kaedah pemeriksaan menerusi bahagian dalam hidung.

"Setiap pengendalian spesimen turut dilakukan dengan penuh bertanggungjawab dan ia akan dimasukkan di dalam bungkusan tiga lapis bagi mengelak penyebaran virus," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : NEGERI KEDAH

Tiada kes baharu koronavirus

Hospital di Kedah pasang khemah khas saring pesakit

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Hanya seorang pesakit disahkan positif koronavirus di Kedah dan kini sedang dirawat di wad pengasingan Hospital Sultanah Maliha, Langkawi.

Exco Kesihatan, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, tiada penambahan kes di Alor Setar yang didakwa sedang dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

Menurutnya, maklumat yang tular sejak kelmarin itu palsu dan orang ramai diminta merujuk ke laman web Kementerian Kesihatan atau sumber berita sahih sebagai rujukan.

"Tiada tambahan kes di Kedah, HSB setakat ini belum menerima pesakit yang dikaitkan dengan koronavirus," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Kelmarin, tular di laman sosial mendakwa terdapat dua lelaki Cina dirawat di HSB selain kehadiran khemah pemeriksaan kesihatan yang didirikan di hadapan wad kecemasan susulan kes terbabit.

Dr Ismail berkata, pesakit yang dikuarantin di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi merupakan seorang kanak-



